

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ("PDS") ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon dan mengambil Perancangan Harta Pusaka Islam-Rancang Harta Sepencarian. Pastikan anda juga membaca dan memahami terma dan syarat berkenaan produk ini termasuk PDS-Wasiat Komprehensif sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan produk ini.

Sila dapatkan penjelasan daripada as-Salihin Trustee Berhad (No. Syarikat: 200401031859 (670367-D)) ("AST") dan CIMB Islamic Bank Berhad (No. Syarikat: 200401032872 (671380-H)) ("Bank"), sekiranya anda tidak memahami sebarang bahagian dalam PDS ini, dan/atau mana-mana terma-terma umum.

Nama Produk: Penulisan Wasiat Islam as-Salihin – Rancang Harta Sepencarian

Jenis: Harta Sepencarian/Perjanjian Aset Perolehan Bersama (PAPB)

Tarikh: _____

1. Apakah produk ini?

Bank bersama rakan kerjasamanya, AST menyediakan pakej Rancang Harta Sepencarian dan perkhidmatan kepada pelanggan Bank. Melalui kerjasama ini, Bank sebagai pengedar sah yang dilantik oleh AST sebagai Penyedia Perkhidmatan, diberi kuasa untuk mengedarkan dan menawarkan pakej Rancang Harta Sepencarian yang terdiri daripada Harta Sepencarian/PAPB dan Wasiat Komprehensif kepada Pelanggannya.

PAPB ialah satu perjanjian antara pasangan suami isteri yang sah di sisi undang-undang di mana suami dan isteri/ isteri-isteri membuat pengisyiharan bertulis yang menyatakan bahawa harta yang dimaksudkan diperoleh secara bersama oleh mereka semasa perkahwinan, mengikut nisbah yang ditetapkan dalam PAPB.

2. Siapakah yang layak memohon dan melanggan produk ini?

- Suami dan isteri (atau isteri-isteri), yang sah berkahwin di bawah Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia.
- Dewasa (berumur 18 tahun ke atas)
- Berfikiran waras
- Atas kehendak sendiri
- Tidak tertakluk kepada sebarang larangan undang-undang untuk mentadbir hartanya
- Islam

3. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Harta Sepencarian	Harta Sepencarian adalah satu amalan adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu dan telah diakui sebagai sebahagian daripada undang-undang Islam berdasarkan prinsip-prinsip fiqh Islam yang menerima 'urf (adat). Harta Sepencarian juga diperuntukkan di bawah Undang-Undang Keluarga Islam di negeri-negeri Malaysia. Konsep Harta Sepencarian merujuk kepada harta yang diperoleh secara bersama oleh suami isteri sepanjang tempoh perkahwinan yang sah. Pasangan yang masih hidup berhak menuntut bahagian mereka daripada harta peninggalan pasangan yang telah meninggal dunia sebelum pengagihan harta mengikut Hukum Faraid. Tuntutan Harta Sepencarian juga boleh dibuat selepas perceraian atau sebelum memasuki perkahwinan poligami.
Aqad/Kontrak	Suami dan isteri (atau isteri-isteri) membuat pengisyiharan bertulis yang menyatakan bahawa harta tersebut diperoleh oleh mereka semasa perkahwinan dan dibahagikan atau diagihkan mengikut nisbah yang ditetapkan dalam PAPB.

4. Apakah manfaat yang saya akan perolehi daripada langganan produk ini?

- i. Mengurangkan masa dan kos yang terlibat dalam proses menuntut Harta Sepencarian.
- ii. Menentukan lebih awal harta yang dianggap sebagai Harta Sepencarian antara suami dan isteri (atau isteri-isteri), berserta bahagian masing-masing.
- iii. Harta yang dinyatakan dalam PAPB tidak termasuk dalam harta peninggalan si mati dan mesti diagihkan kepada pasangan yang masih hidup sebelum pengagihan harta si mati yang selebihnya mengikut Hukum Faraid dilakukan.

5. Apakah terma dan syarat utama lain produk ini yang perlu saya ketahui?

- i. Setelah PAPB ditandatangani, pemilikan manfaat ke atas harta tersebut dipindahkan kepada penerima dan PAPB tidak boleh dibatalkan tanpa persetujuan penerima.
- ii. Jika pihak-pihak berkenaan ingin membatalkan PAPB, suami dan isteri mesti bersetuju secara bersama untuk membatalkannya secara bertulis dengan melaksanakan dokumen pembatalan.
- iii. PAPB hanya terpakai kepada harta yang berada di dalam Malaysia, kerana hanya undang-undang Malaysia yang mengiktiraf konsep Harta Sepencarian.
- iv. Jika penerima meninggal dunia terlebih dahulu, harta tersebut akan dianggap sebagai sebahagian daripada harta peninggalan penerima.
- v. Fi pengurusan untuk PAPB adalah tertakluk kepada Fi Pengurusan Harta/PAPB (apabila berlaku kematian Pelanggan).

6. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Fi yang dikenakan ke atas Pelanggan
Rancang Harta Sepencarian: PAPB + Wasiat Komprehensif (bayaran sekali sahaja)	RM2,500

Fi yang dikenakan kepada Pelanggan dalam senario berikut:

Senario	Fi Asal Wasiat dalam Ringgit Malaysia (RM)	Cadangan Penyelesaian	Fi Tambahan untuk Ditambah oleh Pelanggan bagi Rancang Hibah dalam Ringgit Malaysia (RM)	Jumlah Fi* yang dikenakan oleh AST dalam Ringgit Malaysia (RM)
1) Pelanggan telah mempunyai Wasiat Ekspres dengan AST (Wasi adalah individu)	500	Menaik taraf Wasiat Ekspres kepada Wasiat Komprehensif (melantik AST sebagai Wasi) dan seterusnya atau serentak, melangkan PAPB	2,000	2,500
2) Pelanggan telah mempunyai Wasiat Komprehensif dengan AST (Wasi adalah AST)	1,600	Melangkan PAPB	900	2,500
3) Pelanggan tidak mempunyai Wasiat atau PAPB	Tidak terpakai	Melangkan Rancang Harta Sepencarian dan melantik AST as the Wasi dalam Wasiat Komprehensif	Tidak terpakai	2,500
4) Pelanggan mempunyai Wasiat tetapi berdaftar dengan Syarikat Amanah yang lain	Tidak terpakai	Melangkan Rancang Harta Sepencarian dan melantik AST as the Wasi dalam Wasiat Komprehensif	Tidak terpakai	2,500
5) Pelanggan sedia ada yang mempunyai Wasiat dan PAPB dengan AST dan ingin membuat PAPB baru	Tidak terpakai	Membatalkan PAPB yang lama dengan menandatangani dokumen pembatalan dan melangkan PAPB baru	Tidak terpakai	1,200

Nota:

*Tidak termasuk RM250 fi pemprosesan

*Fi di atas adalah mengikut budi bicara mutlak AST, yang boleh berubah dari semasa ke semasa, dan fi ini mungkin tertakluk kepada cukai yang dikenakan mengikut kadar semasa.

*Senario 5: Fi yang sama akan terpakai jika pelanggan memilih untuk melangkan Pri-Hibah tambahan

Fi Wakalah ke atas dokumentasi (untuk rujukan Pelanggan)	Fi Wakalah yang dibayar oleh AST kepada Bank, diperolehi daripada pembayaran Pelanggan ke atas fi dan caj bagi Rancang Harta Sepencarian, diringkaskan dalam jadual di bawah:
---	---

Jenis		Harga Jualan (RM)	Fi Wakalah Bank (dalam RM & Peratusan)
Rancang Harta Sepencarian (PAPB + Wasiat)	Penulisan Wasiat	700	399 (57%)
	Pelantikan Wasiat	100	40 (40%)
	Penyimpanan Wasiat	700	259 (37%)
	PAPB	1,000	570 (57%)
Total		2,500	1,268 (50.72%)

Nota:

1. Baki (Harga Jualan ditolak Fi Wakalah Bank) akan dikenakan oleh AST.
2. Bagi Senario 5 di atas, Fi Wakalah Bank adalah RM684 (57% daripada RM1,200).

Fi Pengurusan PAPB/Harta Pusaka

*Terpakai sekiranya AST dilantik sebagai wasi dan dikenakan bayaran apabila Geran Probet dikeluarkan.

Harta pusaka Pelanggan dikehendaki membayar Fi Pengurusan PAPB/Harta pusaka berikut, mengikut skala fi seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

HARTA ALIH DAN HARTA TIDAK ALIH	
FI UNTUK TAHUN PERTAMA	
NILAI KASAR HARTA	KADAR FI YANG DIKENAKAN
RM 1 juta yang pertama	1.8% setahun (minimum RM5,000)
Melebihi RM 1 juta	1% setahun
Melebihi RM 10 juta	0.5% setahun
Melebihi RM 50 juta	0.25% setahun
FI UNTUK TAHUN BERIKUTNYA	
NILAI KASAR HARTA	KADAR FI YANG DIKENAKAN
RM 10 juta yang pertama	1% setahun
Melebihi RM 10 juta	0.5% setahun
Melebihi RM 50 juta	0.25% setahun
<i>Fi Penukaran</i>	1%

*Nota:

1. Caj tambahan sebanyak 0.2% dikenakan ke atas fi bagi Pelanggan yang berpoligami dan/atau mempunyai lebih daripada satu keluarga (di bawah RM50 juta).
2. Fi dan caj tambahan mungkin dikenakan selain daripada yang dinyatakan di atas, contohnya cukai, duti setem, perbelanjaan, pengeluaran dan yuran pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada yuran peguam, pengurus dana, ejen hartaanah dan ejen cukai.
3. Satu (1) % fi penukaran akan dikenakan ke atas pembatalan perkhidmatan AST semasa pengurusan harta pusaka si mati di atas apa jua sebab. Fi ini adalah untuk menampung kos dan sebagai ganitrigi di atas kerja-kerja yang telah dilakukan sebelum pembatalan tersebut.

Fi Wakalah ke atas Fi Pengurusan PAPB/Harta Pusaka (Untuk rujukan Pelanggan)

* Fi Wakalah yang dibayar oleh AST kepada Bank diperolehi daripada pembayaran yang dibuat oleh harta pusaka Pelanggan apabila Geran Probet dikeluarkan.

Fi Wakalah yang dibayar oleh AST kepada Bank, diperolehi daripada pembayaran Pelanggan/Benefisiari ke atas fi dan caj bagi Fi Pengurusan PAPB/Harta Pusaka, diringkaskan dalam jadual di bawah:

Produk	Fi Wakalah Bank (dalam Peratusan)
Fi Pengurusan PAPB/Harta Pusaka	26%

7. Bolehkah saya membatalkan PAPB saya?

Anda boleh membuat permohonan untuk membatalkan dokumen PAPB anda dan dalam keadaan ini, anda boleh merujuk kepada jadual di bawah untuk fi yang berkaitan dengan pembatalan PAPB anda.

Butiran	Fi yang dikenakan kepada Pelanggan
Pembatalan Semasa Proses Draf	
Pembatalan Semasa Proses Draf PAPB	RM500
Dokumen Selepas Tandatangan	
Pembatalan dan PAPB baru dibuat	Percuma (Fi bagi Dokumen Pembatalan akan ditanggung oleh AST) + Fi baru untuk PAPB
Pembatalan tanpa PAPB baru	RM300 (Dokumen Pembatalan)

8. Apakah risiko yang terlibat?

Bagi aset yang masih dalam cagaran, apabila berlaku perceraian atau poligami, aset berkenaan hanya boleh dipindahmilik kepada penerima setelah bayaran penuh ke atas pembiayaan/pinjaman dilaksanakan.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada butiran peribadi saya?

Penting untuk anda memaklumkan kepada pihak AST dan Bank jika terdapat sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda dalam memastikan semua surat menyurat sampai kepada anda.

10. Di mana boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sebarang pertanyaan berkaitan produk Rancang Harta Sepencarian termasuk kadar fi dan caj, anda boleh menghubungi Penyedia Perkhidmatan Perancangan Harta Pusaka Islam as-Salihin -Rancang Harta Sepencarian di:

as-Salihin Trustee Berhad

101 - 301, Block A, Glomac Business Centre
No. 10, Jalan SS6/1, Kelana Jaya 47301,
Petaling Jaya, Selangor
No. Telefon Hotline: 03 7880 9595 | Faks: 03 7880 8190
E-mail: marketing@as-salihin.com
Laman Sesawang: <https://as-salihin.com/en/contact-us/>

Jika anda ingin membuat sebarang aduan berkaitan perkhidmatan yang disediakan oleh Bank mengenai pengedaran Perancangan Harta Pusaka Islam as-Salihin -Rancang Harta Sepencarian, anda boleh menghubungi pihak Bank di:-

CIMB Bank Berhad/ CIMB Islamic Bank Berhad

Customer Resolution Unit (CRU)/ Consumer Contact Centre (CCC)
P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan
Hotline CCC Tel : +603 6204 7788
E-mel : contactus@cimb.com
Laman Sesawang: <https://www.cimb.com.my/en/personal/help-support/contact-us.html>

Saya dengan ini mengesahkan bahawa Lembaran Pendedahan Produk telah diterangkan kepada Pelanggan.

Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya telah menerima dan faham dengan keterangan yang telah diberikan.

Nama Staf Bank:
ID Staff Bank:
Tarikh:

Nama Pelanggan:
No. K/P:
Tarikh: